

Headline	Kempen kesedaran SomebodyLikeMe		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	15 Jun 2014	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	40,000
Page No	36	Readership	120,000
Language	Malay	ArticleSize	209 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,179
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,537



## Kempen kesedaran #SomebodyLikeMe

**MENURUT** kajian oleh Durex Malaysia, kira-kira satu daripada lima rakyat Malaysia pernah mengalami jangkitan penyakit kelamin dalam hidup mereka. Kajian tersebut juga membuktikan bahawa 27 peratus remaja di Malaysia tidak mengetahui cara untuk mengelak daripada jangkitan penyakit kelamin.

Dalam usaha meningkatkan kesedaran muda-mudi masa kini dengan jangkitan penyakit kelamin, Durex Malaysia melanjutkan kempen #SomebodyLikeMe untuk tahun kedua yang bakal diadakan di institusi-institusi pengajian tinggi terpilih seluruh negara.

Menurut Pengarah Pemasaran Reckitt Benckiser Malaysia dan Singapura, Abhishek Chuckarbutty, peningkatan jumlah remaja yang

pernah mengalami jangkitan ini membimbangkan dan bagi membantu meningkatkan kesedaran, Durex Malaysia mengambil inisiatif mendidik remaja cara-cara untuk mengelak.

Dengan kerjasama AIESEC Malaysia, Womens' Aid Organisation (WAO) dan Persekutuan Persatuan-persatuan Kesihatan Reproduksi Malaysia, Durex Malaysia menggunakan kehebatan sosial media dengan menyebarkan mesej kepada golongan remaja mengenai risiko jika tidak menggunakan perlindungan.

Pada kempen kali ini, Durex Malaysia mensasarkan untuk memberi pendidikan seks kepada golongan sesuai umurnya dan menekankan kepentingan hubungan yang sihat.



Dari kiri: Pengurus Pemasaran Durex Malaysia & Singapore, Karin Chan, Pengerusi AIESEC Malaysia, Joshua Lim, Pengarah Eksekutif FRHAM, Yeoh Yeok Kim, Abhishek dan Pengarah Eksekutif WAO Ivy Josiah.